

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

LKM 300 - Bahasa Malaysia III

Tarikh: 3 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00tgh.
(3 jam)

Baca dan fahamkan arahan yang diberikan sebelum menjawab soalan.

ARAHAN: Jawab empat soalan, iaitu, satu soalan daripada bahagian A dan semua soalan bahagian B, C dan D.

Mulakan jawapan bagi setiap bahagian di muka surat yang baru.

- BAHAGIAN A : Karangan
BAHAGIAN B : Ringkasan Karangan
BAHAGIAN C : Kefahaman
BAHAGIAN D : Tatabahasa

...2/-

BAHAGIAN A: Karangan

(30 markah)

Pilih satu daripada tajuk di bawah ini dan tuliskan sebuah karangan yang panjangnya di antara 400 - 450 patah perkataan.

PERINGATAN:

Markah akan dipotong sekiranya terdapat:

- a. kesalahan ejaan, penggunaan kata dan imbuhan,
- b. kesalahan struktur frasa dan ayat,
- c. karangan yang kurang daripada 400 patah perkataan atau lebih daripada 450 patah perkataan dan/atau
- d. tulisan yang sukar dibaca.

1. Malaysia tidak sepatutnya sentiasa meniru negara-negara Barat. Kalau di Barat perindustrian diutamakan, di Malaysia pertanian seharusnya dititikberatkan. Bincangkan pendapat ini.
2. Peperiksaan semester pertama menjelang tiba. Ketika anda sedang mengulangkaji pelajaran di bilik desasiswa anda, tiba-tiba anda terlihat dari tingkap bilik anda asap berkepul-kepul. Kemudian anda terdengar suara orang menjerit meminta tolong. Anda segera keluar untuk mengetahui hal yang terjadi. Rupa-rupanya sebuah makmal kimia telah terbakar. Gambarkan keadaan yang berlaku seterusnya.
3. Guru Bahasa Malaysia kelas anda telah mengadakan satu pertandingan perbahasan. Tajuk perbahasan tersebut ialah, "Penyalahgunaan dadah di kalangan belia berpunca daripada kurangnya didikan agama yang diberikan kepada mereka". Sebagai pencadang, kemukakan hujah-hujah anda.
4. Sudah dua tahun anda menuntut di luar negeri. Seorang rakan karib anda menulis surat kepada anda menceritakan kejayaannya di dalam peperiksaan semester yang lepas. Dia juga ingin mengetahui kemajuan dan pengalaman anda selama menuntut di luar negeri. Sediakan sepucuk surat untuk menjawab suratnya itu.

...4/-

BAHAGIAN B: RINGKASAN KARANGAN

(20 markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti dan ringkaskan menjadi lebih kurang 100 patah perkataan. Gunakan perkataan anda sendiri dengan memelihara susunan dan maksud asalnya.

Laporan Kementerian Kesihatan kelmarin bahawa setiap tahun 400 orang kanak-kanak mati akibat sakit perut yang dipanggil 'gastro-enteritis' sewajarnya mendapat perhatian kita semua, terutama para ibu bapa. Ini kerana kematian tersebut mungkin boleh dielakkan jika ibu bapa mengesannya lebih awal dan segera mengambil langkah-langkah tertentu yang mudah untuk diamalkan. Tetapi yang penting untuk diperhatikan ialah penyakit sakit perut itu berpunca daripada makanan yang tidak bersih. Jadi jika kebersihan makanan dapat dipertahankan, maka anak-anak terutama yang berada di dalam lingkungan enam bulan hingga dua tahun boleh dijauhkan daripada penyakit yang boleh meragut nyawa itu.

Oleh kerana sebahagian besar penyakit ini berlaku di luar bandar, maka langkah-langkah menyedarkan ibu bapa di desa tentangnya hendaklah dimulakan oleh Kementerian Kesihatan. Ibu bapa yang mempunyai anak lima tahun ke bawah hendaklah digalakkan pergi ke pusat-pusat kesihatan kecil dengan lebih kerap. Bagi pihak ibu bapa pula apabila anak-anak mereka yang masih kecil terberak-berak sehingga 10 kali sehari atau kerap muntah-muntah, mereka hendaklah segera mendapatkan rawatan. Jangan sesekali membiarkan anak-anak mereka di dalam keadaan itu di rumah dan berserah pada takdir saja, walaupun kita akui bahawa ajal maut sebenarnya ditentukan oleh Tuhan. Sikap ini sebenarnya tidak sesuai lagi dengan perkembangan zaman kerana Islam itu sendiri menggalakkan umatnya mencari jalan dan berusaha untuk menjauhkan diri daripada sebarang penyakit.

Kita percaya perkara terpenting ialah kesedaran di kalangan ibu bapa tentang mustahaknya anak-anak yang masih kecil diberi makanan yang bersih daripada sebarang kuman yang boleh membawa mudarat terutama bagi mereka yang ketahanan dan kekebalan badan masih belum sempurna lagi seperti yang wujud pada para bayi dan anak kecil.

Kita berpendapat kakitangan pusat kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar boleh membantu usaha menimbulkan kesedaran ini. Misalnya, jururawat-jururawat desa yang mempunyai hubungan langsung dengan ibu-ibu yang bersalin barangkali boleh memainkan peranan yang berkesan dengan mengingatkan mereka akan pentingnya menjaga kebersihan makanan. Kalau perlu satu kempen khas hendaklah diadakan memandangkan bahawa kematian yang berpunca daripada sakit perut ini tidak diketahui sejauh mana seriusnya kerana kematian 400 yang dilaporkan itu adalah yang diketahui oleh pihak Kementerian Kesihatan. Mungkin lebih ramai lagi kanak-kanak mengalami nasib yang serupa setiap tahun tetapi tidak diketahui kerana kes mereka tidak dilaporkan.

BAHAGIAN C: KEFAHAMAN

(30 markah)

I. CERPEN: (25 markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang mengikutinya seberapa mungkin gunakan perkataan anda sendiri.

"Nak ke mana pula atuk tu mak? Tak lekat langsung kat rumah." Kak Wani yang sejak tadi asyik memerhatikan bunga-bunga ros di beranda rumah mula membebel. Memang dia tak pernah senang dengan datuk. Ada-ada saja yang tak kena pada pandangan matanya.

"Ke mana lagi. Ke pekanlah tu. Panas agaknya kalau duduk di rumah ni." Emak pula merungut.

Aku yang dari tadi terperap di dalam bilik, mendengar dengan teliti patah-patah ayat emak anak-beranak. Aku kasihkan datuk. Manalah tahan dia duduk di rumah kalau asyik kena leter saja. Tambah-tambah lagi dengan Kak Wani. Memang datuk tak setuju angin.

Minggu lepas Kak Wani marah-marah apabila dia terjumpa puntung cerut datuk terselit di celah tikar getah. Pada masa itu Kak Wani sedang mengemaskan rumah. Apa lagi, panjanglah cerewetnya.

"Hemh, bukannya tahu buang. Hisapnya pandai. Bersepah saja. Dah tu kalau benda ni wangi tak apa juga. Ini hai geram betul." Lepas saja kata-kata itu daripada mulutnya. Emak cuma memerhatikan telatah anak gadisnya yang dua tahun lebih tua daripada aku.

Datuk yang waktu itu baru saja selesai mandi, menyandar di tiang seri rumah. Syukurlah telinga datuk kurang dengar. Kalau tidak tentu kecil hatinya apabila mendengar kata-kata Kak Wani.

Paling aku tak menduga! Kak Wani membaling puntung cerut itu ke atas riba datuk. Terkejut orang tua itu. Cepat-cepat datuk menyambar puntung yang basah itu. Matanya merenung sayu kepada cucunya yang cantik manis itu. Sayang, hati Kak Wani tak secantik rupa parasnya. Datuk tak tunggu lagi. Dia bangun sambil menguatkan gulungan kain pelikat berwarna kelabu.

Aku masuk ke bilik Kak Wani. Dia menoleh kehairanan.

"Nak apa ni?" tanyanya keras.

"Janganlah nak buat ikut suka hati sendiri aje. Kasihan datuk. Kecil hati dia Kak Wani buat macam tu." Aku melepaskan penyesalan yang terpendam sejak tadi.

"O nak bela atuk pula. Dah la tu. Jangan nak mengajar aku. Engkau ingat perangai atuk tu elok? Hemh macam budak-budak," suara Kak Wani mengejek.

...6/-

"Memanglah orang tua macam atuk tu dah ubah perangai. Kak bukannya tak tahu. Saja tak mahu faham," ucapku melepas geram.

Aku mengekori Kak Wani ke dapur. Emak yang sedang menghadapi meja makan dengan secawan kopi dan sepiring karipap menjamah ke wajah Kak Wani. Kemudian melirik ke mukaku.

"Engkau tak mau minum ke?" Tanya Mak sambil tepat memandang mukaku.

"Belum lapar lagi mak. Mak minumlah dulu dengan Kak Wani," jawabku pendek.

Aku berlalu dari dapur, pantas mengatur langkah ke dalam bilik. Dari bilik, aku dengar Kak Wani rancak berbual dengan emak. Tentu sekali tentang datuk. Tak sudah-sudah datuk yang jadi sasaran.

"Kenapa datuk tak tinggal saja dengan Pak Long? Kan dia tu waris kuat? Buat menyusah saja tinggal dengan kita." Lancar betul lidah Kak Wani. Sakit hati aku.

"Kalau dengan perangai datuk engkau tu, menantu mana yang tahan? Mak Long engkau ke, Mak Lang ke, hemh semuanya tak terlayan perangai dia tu. Aku ni yang terpaksa tahan dengan telatah atuk engkau pun sebab kenangkan yang dia tu bapa aku sendiri. Apa nak buat. Kenalah kita bersabar dengan perangnya tu."

"Tapi mak, kalau dah selalu sangat buat hal, mana tahan. Dahlah kain-bajunya pun kita yang kena basuh. Dah tu pula yang Wani tak tahan sekali bau cerutnya tu. Habis busuk kain-baju kita sekali. Nasib baik bilik Wani jauh dari bilik atuk. Kalau tidak, tentu tak boleh tidur."

Semalam Pak Long datang ke rumah. Kebetulan datuk tak ke mana. Mak Long yang ikut sama seakan benci melihat muka datuk. Datuk tak banyak bercakap. Cuma sesekali menyampuk bila Pak Long atau emak mengajukan soalan kepadanya.

"Ayah, kalau ayah rasa jemu duduk di sini, ayah pergilah pula ke rumah kami. Lepas tu, ayah boleh ke rumah Alang pula. Tak la ayah asyik terperap kat rumah Maliah saja." Pak Long memberikan cadangan. Datuk tak menjawab. Terlalu nikmat rasa tembakau cerut yang datuk hisap. Cuma dengar sesekali datuk mengeluh.

"Bukanlah maksud kami nak halang ayah duduk lama di rumah kami. Tapi manalah tahu kalau ayah tak tahan berlama di sini. Elok juga cadangan Bang Long tu ayah." Emak pula menyokong. Ayak tak masuk campur. Takut kalau-kalau silap cakap, kecil pulā hati datuk.

Lepas Pak Long balik, datuk termenung panjang di bawah pokok rambutan. Kerusi panjang yang selalu menemaninya ketika keresahan tetap setia mendengar luahan hati datuk. Dari jauh aku melihat datuk merungut-rungut seorang diri. Mulutnya meracau-racau. Kasihan datuk!

... 7/-

"Aku dah kata! Aku tahu mereka semuanya benci pada aku." Datuk menggosok-gosok kepalanya yang botak licin. Seseekali dia menggeling-gelengkan kepalanya seperti orang yang menyesal.

"Siapa kata kami tak sayangkan datuk?" Aku cuba meleraikan rasa resah yang membaluti jiwanya.

"Aku sedar aku dah tua. Dah hampir nak mampus." Kata-kata datuk terhenti di situ. Nafasnya keras mengetuk rangka dadanya. Aku pandang datuk penuh simpati.

"Tapi tak patut anak-anak aku buat macam ni. Aku rasa tak ubah macam sampah. Kejap tendang ke ceruk sana, sekejap ke sini. Kalau dah rasa tak larat nak bela aku, biar aku pergi." Manik-manik jernih yang panas terjun lebat dari mata datuk.

"Tuk, jangan cakap macam tu. Tuk jangan pergi. Duduk saja di sini. Syam sanggup bela tuk. Tuk jangan pergi ke mana-mana," pujuk aku dengan suara yang tertahan-tahan.

"Syam! Syam! Kalau dah habis kerja kat atas tu, turunlah ke dapur ni. Asyik memerap aje." Ingatanku pada datuk diragut oleh suara nyaring Kak Wani. Aku mengesat air yang bertakung di dalam mata.

Aku bergegas ke dapur. Emak dan Kak Wani sedang memasak. Aku melihat jam di dinding. Sudah pukul dua belas lebih.

"Mak, tuk belum balik lagi ke? Dah tengah hari ni," tanyaku pada emak.

"Tuk tu kalau tak petang, jangan harap nak balik. Biarlah dia. Lagi senang dia tak ada kat rumah ni." Celah Kak Wani, celupar.

Enjin motosikal ayah menembusi lubang telinga aku. Aku terpa ke pintu. Emah sudah berdiri dekat ayah.

"Ada ke ayah di sana bang?" Emak menyoal sebelum sempat aku bertanya. Kak Wani dan adik-adik terjenguk-jenguk di balik tingkap.

"Ayah tak ada di sana," beritahu ayah perlahan.

"Habis tu, abang tak beritahu ke yang ayah tak balik ke sini?" tanya emak panik.

"Sebenarnya ayah ada di hospital," ayah menyambung.

"Kenapa?" Serentak aku dan emak bertanya. Perasaan aku makin gelisah. Bimbang.

"Ayah dilanggar kereta semasa dia nak balik ke sini senja tadi. Abang Long pun baru saja dapat tahu hal ni. Berahim yang kerja di hospital tu yang beritahu. Ayah masih terlekat di atas motosikalnya.

"Parah tak luka atuk?" Kak Wani yang sejak tadi diam membisu, mula bersuara. Tak guna nak ambil tahu. Bentak hatiku.

...8/-

Ayah mengeluh dalam tanpa menjawab pertanyaan kakak. Aku tahu. Daripada raut wajah dan air muka ayah, aku tahu datuk sedang tenat.

Emak berlari ke atas rumah mencapai selendang. Bergegas pula ia turun dan kerabat tempat duduk belakang ayah. Enjin motor yang tak ayah matikan sejak balik tadi, terus menderum membelah warna-warna malam meninggalkan aku, kak Wani dan adik-adik.

"Ayah balik ambil Syam ya!" Aku sempat melaung. Emak menoleh tapi deruman motosikal ayah makin laju meninggalkan kami.

Aku termenung di beranda. Wajah datuk memenuhi ruang matak. Seakan ternampak darah memercik di dahi dan seluruh muka datuk, Datuk menangis teresak-esak. Tulang pipinya yang membonjol dibaluti kulit yang berkeriput dibasahi darah dan air mata. Nafas datuk semakin kencang.

"Tuk, Syam sayangkan atuk. Jangan pergi tuk!!" Kak Wani terkejut. Aku rebah di situ.

[Diubahsuaikan daripada Majalah Keluarga
bulan Januari 1987].

1. Terangkan maksud rangkai-rangkai kata yang diberi di di bawah mengikut maksud cerpen di atas.
 - a. Panas agaknya kalau duduk di rumah ni.
 - b. merenung sayu.
 - c. waris kuat.
 - d. meleraikan rasa resah yang membaluti jiwanya.
 - e. Bentak hatiku.

2. Jawab soalan-soalan berikut berpandukan petikan cerpen di atas.
 - a. 'Datuk' di dalam cerpen di atas menghadapi dilema. Apakah dilema tersebut?
 - b. Satu peristiwa sedih akhirnya telah menimpa diri 'datuk.' Apakah peristiwa itu dan ceritakan mengapa ia boleh berlaku?
 - c. Pada pendapat anda adakah Wani benar-benar 'benci' kepada datuknya? Berikan alasan-alasan anda.
 - d. Apa motif yang ingin disampaikan oleh penulis cerpen tersebut?
 - e. Apa pengajaran yang anda perolehi daripada cerpen tersebut?

3. Berdasarkan maklumat-maklumat di dalam cerpen di atas, isikan tempat-tempat kosong supaya ia lengkap.

BUTIRAN	BUTIRAN SELANJUTNYA
Sahsiah Datuk	a. b. c. d.
Kak Wani	a. b. Dua tahun lebih tua daripada Syam. c. d.
Keadaan semasa mengetahui berita yang menimpa orang yang Syam sayangi.	a. b. c. d.

...10/-

II. BAHASA MELAYU KLASIK (5 markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang petikan tersebut.

Arakian, setelah terpandang oleh Tuan Puteri akan rupa burung bayan, ia pun tercengang hairan tiada terkata-kata lagi. Maka si burung bayan lalu berhentilah daripada bermain itu seraya melayang masuk mengadap Tuan Puteri Nilam Cahaya itu, duduk di atas hamparan yang mulia-mulia. Maka ia pun segeralah menyembah, menjunjung duli;

Mengangkat kadam kepek yang indah
Kuncup seperti sulur bakong,
Sayap seperti susun sireh,
Tertanggam paruh yang keemasan,
Tertimpuh kaki yang kiri,
Terdiri kaki yang kanan,
Sembah bergelar "Lela Sembah"
Tiga tapak mara ke hadapan,
Dua tapak undur ke belakang.

Setelah sudah yang demikian itu, si burung bayan pun duduk dengan beberapa hormatnya mengadap Tuan Puteri Nilam Cahaya, seraya berkata, "Ampun Tuan Puteri beribu-ribu ampun, ada pun patik datang mengadap ini dititahkan oleh paduka kakanda Tuanku Malim Dewa yang memerintah di negeri Kuala Bandar Muar, disuruhnya mencari tolok bandingnya akan menjadi permaisuri di dalam negeri itu. Maka inilah amanat kirimannya, akan persembahkan kepada Tuan Puteri yakni kain cindai sehelai, cincin sebetuk, intan berselang dengan delima, tiadalah dengan sepeertinya, melainkan pertandaan harap sahaja."

(Dipetik daripada Hikayat Malim Dewa).

...11/-

BAHAGIAN D:

TATABAHASA

(20 markah)

- a. Gabungkan ayat-ayat di bawah supaya menjadi dua ayat berlapis atau berkait.

Membakar mercun boleh mendatangkan mudarat. Masyarakat Cina di Malaysia tidak lagi mengamalkan adat membakar mercun. Pembakaran mercun sudah tidak dibenarkan lagi kerana sebab-sebab keselamatan. Di negara-negara lain pembakaran mercun masih dilakukan lagi. Ia menjadi tanda menghalau segala sesuatu yang jahat. Ia juga dimaksudkan seperti mengalu-alukan kedatangan Tahun Baru. Orang Cina menaruh kepercayaan bahawa pembakaran mercun pada hari pertama Tahun Baru akan membawa tuah yang menguntungkan. Ahli-ahli perniagaan selalunya mengadakan perlumbaan membakar mercun ini. Mereka mahu membakar mercun dengan sebanyak mungkin. Mereka percaya pembakaran mercun membawa manfaat pada tahun ini.

(4 markah)

- b. Pindahkan petikan yang berbentuk perbualan di bawah ke bentuk cakap pindah dengan menggunakan jalan bahasa yang baik.

"Mengapa saudara dimasukkan ke sini?" Tanya Salim kepada seorang pemuda yang menghuni katil di sebelahnya di dalam wad kecederaan itu.

"Saya cedera parah akibat kemalangan jalan raya," jawab pemuda itu. "Saudara pula kenapa?"

"Saya pun cedera juga," kata Salim.

"Maksud saudara, cedera akibat kemalangan jalan raya?" Tanya pemuda itu lagi.

"Tidak." Tegas Salim. "Saya cedera ketika menjalankan tugas."

"Adakah saudara ni seorang anggota polis?" kata pemuda itu dengan nada ingin tahu.

"Ya." jawab Salim. "Saya tertembak semasa melakukan serang hendap terhadap segerombolan pengganas komunis di hutan Keroh."

"Oh begitu," sahut pemuda itu sambil bertanya lagi. "Ramaikah kawan saudara yang tercedera?"

"Tidak. Hanya saya seorang. Mujurlah hanya kaki saya yang tercedera," kata Salim sambil menunjukkan kakinya.

"Syabas, saudara!" Sahut pemuda itu. "Tidak sia-sia pengorbanan yang saudara berikan."

"Ya. Walaupun kaki saya telah kudung sekarang tetapi hati saya puas kerana gerombolan itu dapat kami tewaskan kesemuanya." kata Salim dengan bangga.

(6 markah)

C. Buat ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah supaya jelas maksudnya tanpa menambahkan awalan atau akhiran pada perkataan itu.

- | | | |
|---------------|---|------------|
| i. pasangan | - | jodoh |
| ii. siasah | - | sahsiah |
| iii. rangsang | - | perangsang |
| iv. remuk | - | reput |
| v. sembuh | - | pulih |

(10 markah)

oooOooo